# *JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| | KHAMIS, 20 Januari 2022 |
|---|---|
| | |
| 1 | Bermula ternak kambing, kini tauke kilang proses susu |
| | |
| 2 | Miliki kilang proses susu kambing RM3 juta |
| | |
| 3 | Susu kerbau segar popular langkawi |
| | |
| 4 | -Cultivating self-reliance<br>-Fiding green joy in Iskandar Puteri |
| | |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20.1.2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Bermula ternak kambing, kini tauke kilang proses susu

## Hariz labur RM500,000 beli baka saanen dari Australia perluas penternakan

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

**Marang:** Kira-kira 10 tahun lalu, seorang pemuda dari Kampung Kuala Ibai hanya penternak kambing biasa, namun kini beliau memiliki kilang memproses susu kambing bernilai RM3 juta.

Kilang memproses susu kambing jenama KAPRIMA itu beroperasi di Kampung Jenang, di sini, sejak 2019.

Muhammad Hariz Nordin, 35, berkata beliau menternak kambing jenis jamnapari pada 2011 sebelum bertukar kepada penternakan kambing saanen iaitu kambing tenusu dari Australia pada 2014.

"Saya mula menjual susu kambing segar dan sejuk beku secara kecil-kecilan dan selepas permintaan serta jualan susu kambing semakin meningkat, saya melaburkan RM500,000 untuk meluaskan saiz penternakan kambing saanen di Setiu.

"Hasil penternakan dan pengeluaran susu saanen itu, saya menerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Usahawan Kecil Paling Berjaya 2018," katanya ketika ditemui di kilangnya, semalam.

Muhammad Hariz berkata, anugerah itu memberi motivasi dan semangat untuk berjaya dalam bidang penternakan dan pengeluaran susu kambing saanen sebelum membeli mesin memproses susu kambing kaedah 'ultra heat temperature' (UHT).

Katanya, sebelum ini, susu kambing dikeluarkan secara tradisional tidak bertahan lama dan cepat rosak, tetapi sejak menggunakan kaedah UHT, susu bertahan lebih lama pada suhu bilik, seterusnya boleh dipasarkan secara meluas.

"Saya bersyukur apabila bidang penternakan memberikan pulangan lumayan sekarang dan keputusan meninggalkan kerjaya sebagai jurutera dan menolak tawaran sebagai pensyarah di sebuah universiti awam memang tepat.

"Pada peringkat awal, bimbang juga untuk menceburi bidang penternakan itu maklumlah saya langsung tidak mempunyai ilmu dan pengalaman mengenainya.

"Bagaimanapun kerana minat dan bimbingan berterusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, saya berjaya hingga ke tahap sekarang," katanya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Sunderland, United Kingdom (UK).



*Muhmmad Hariz menunjukkan susu kambing UHT miliknya di Kampung Jenang, Marang.*
(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

Katanya, dia bukan sahaja memproses susu kambing dari kandang kambing saanen sendiri, malah turut membantu penternak lain dengan memborong susu kambing segar dikeluarkan mereka.

Katanya, sehingga kini seramai 20 penternak kambing saanen di sekitar daerah itu membekalkan susu kambing ke kilangnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20.1.2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |



MUHMMAD Hariz menunjukkan mesin memproses susu kambing UHT miliknya di Kampung Jenang.

# Miliki kilang proses susu kambing RM3j

**Marang:** Kira-kira 10 tahun lalu, seorang pemuda dari Kampung Kuala Ibai hanya penternak kambing biasa, namun kini dia memiliki kilang memproses susu kambing bernilai RM3 juta.

Kilang memproses susu kambing jenama KAPRIMA itu beroperasi di Kampung Jenang, di sini, sejak 2019.

Muhammad Hariz Nordin, 35, berkata, dia menternak kambing jamnapari pada 2011 sebelum bertukar kepada penternakan kambing saanen iaitu kambing tenusu dari Australia pada 2014.

"Saya mula menjual susu kambing segar dan sejuk beku secara kecil-kecilan dan selepas permintaan serta jualan susu kambing semakin meningkat, saya melaburkan RM500,000 untuk meluaskan saiz penternakan kambing saanen di Setiu.

"Hasil penternakan dan pengeluaran susu saanen itu, saya menerima Anugerah Penternak Jaya Kebangsaan 2016 dan Anugerah Usahawan Kecil Paling Berjaya 2018," katanya ketika ditemui di kilangnya, semalam.

Muhammad Hariz berkata, anugerah itu memberi motivasi dan semangat untuk berjaya dalam bidang penternakan dan pengeluaran susu kambing saanen sebelum membeli mesin memproses susu kambing kaedah ultra heat temperature (UHT).

Menurutnya, sebelum ini, susu kambing dikeluarkan secara tradisional tidak bertahan lama dan cepat rosak, tetapi sejak menggunakan kaedah UHT, susu bertahan lebih lama pada suhu bilik seterusnya boleh dipasarkan secara meluas.

"Saya bersyukur apabila bidang penternakan memberikan pulangan lumayan sekarang dan keputusan meninggalkan kerjaya sebagai jurutera dan menolak tawaran sebagai pensyarah di sebuah universiti awam memang tepat.

"Pada peringkat awal, bimbang juga untuk menceburi bidang penternakan itu maklumlah saya langsung tidak mempunyai ilmu dan pengalaman mengenainya.

"Bagaimanapun kerana minat dan bimbingan berterusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, saya berjaya hingga ke tahap sekarang," katanya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Univesiti Sunderland, England," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20.1.2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Susu kerbau segar popular di Langkawi

**LANGKAWI:** Pelancong yang berkunjung di pulau peranginan ini berpeluang menikmati susu kerbau segar di ladang ternakan kerbau milik Menamah Agrojaya Sdn. Bhd. (Menamah Agrojaya) di Ulu Melaka, di sini.

Susu haiwan tersebut yang sedap dan berkhasiat berbanding susu lembu kini semakin popular dalam kalangan pelancong di pulau itu.

Pengurus Menamah Agrojaya, Khairul Izzat Amir Ismail berkata, syarikat itu mengeluarkan sebanyak 30 liter susu kerbau untuk memenuhi permintaan di pasaran termasuk dari pulau ini setiap hari.

Katanya, pada masa ini, dia menternak sebanyak 45 ekor kerbau dan daripada jumlah tersebut, 25 ekor kerbau mampu menghasilkan susu segar.

Katanya, kerbau yang dibawa dari Pakistan dan India itu mengeluarkan susu yang banyak dan berkualiti tinggi.

"Kerja memerah susu kerbau tidak terlalu sukar kerana ia hanya perlu dimandikan antara 10 hingga 15 minit bagi setiap seekor sebelum proses memerah bermula.

"Setiap seekor kerbau betina mampu menghasilkan sehingga tujuh kilogram (kg) susu sehari," katanya ketika ditemui di Ulu Melaka, semalam.



KHAIRUL Izzat Amir Ismail menunjukkan susu kerbau segar ladang ternakan kerbau, Menamah Agrojaya di Ulu Melaka, Langkawi, Kedah. -UTUSAN/NUR AMALINA AZMAN

Khairul Izzat Amir berkata, dia mengusahakan ternakan kerbau untuk tenusu sejak 2012 dan permintaannya sentiasa meningkat.

Tambahnya, susu kerbau segar itu kebiasaannya dijual pada harga RM10 bagi setiap kilogram (kg).

"Selain diminum begitu saja, susu kerbau juga digunakan untuk menggantikan santan yang digaul dengan pulut untuk dimakan dengan durian," ujarnya.

Selain itu, dia memberitahu, Menamah Agrojaya menghasilkan dadih dan keju daripada susu kerbau segar tersebut.

Jelasnya, dia menjual keju susu kerbau dengan harga RM32 sekilogram.

"Antara keju yang dihasilkan di sini adalah daripada jenis *mozzarella, burrata, primosale, straciatella* dan *ricotta*," katanya.

